

Terutama penyokong dua calon Timbalan Presiden Henti kempen di saat akhir: Mustafa Jabar

KUALA LUMPUR, Rabu — Ahli-ahli UMNO, khususnya penyokong kedua-dua calon Timbalan Presiden, dinasihat menghentikan kempen dan lobi-melobi di saat-saat akhir pemilihan pucuk pimpinan parti itu Jumaat ini.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar berkata: "Saya harap tidak ada lagi soal kempen dan lobi-melobi di saat-saat akhir ini, tidak usahlah diganggu lagi para perwakilan."

Kempen-kempen itu wajar diberhentikan kerana ia telah lama berjalan, katanya dalam percarpan hari ini.

Pertemuan khas ini dibuat menjelang Perhimpunan Agung UMNO yang bermula esok dengan persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, di Dewan Bahasa dan Pustaka yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Haji Mustafa berharap, perwakilan diberi peluang bertenang dan bertitik oleh penyokong kedua-dua calon berkenaan dalam menentukan pilihan serta kepercayaan masing-masing.

Oleh NORDIN MOHAMAD

Bellau yakin semua perwakilan telah siap sedia menentukan undi masing-masing siapa yang akan mereka pilih, terutama bagi calon jawatan Timbalan Presiden antara Tengku Raseleigh Hamsah dan Datuk Musa Hitam.

Bellau menasihatkan penyokong calon yang berjaya nanti jangan meluahkan kegembiraan yang keterlaluan kerana pertandingan kedua tokoh itu adalah perandingan persaudaraan dan penuh muhibbah yang diharap tidak menjelaskan perpaduan parti.

Datuk Haji Mustafa penuh yakin, kestabilan politik UMNO akan tetap utuh dan kuat seperti sedia kala.

Mengenai kedudukan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden baru parti, Setiausaha Agung UMNO itu juga penuh yakin seluruh ahli-ahli UMNO akan memberi sokongan, kerjasama dan kepercayaan kepadanya seperti mereka memberikannya kepada Datuk Hussein Onn dan pemimpin-

pemimpin dulu.

Datuk Haji Mustafa berkata, ahli-ahli UMNO tidak perlu khuatirkan kestabilan politik dan ekonomi negara ini.

"Kita penuh yakin kepimpinan dan kebolehan Datuk Seri Dr. Mahathir memimpin parti dan rakyat negara ini," katanya.

Menerusi kata-kata aluannya, dalam buku penyata tahunan 80/81 UMNO Malaysia pula yang akan dibentangkan di perhimpunan agung parti itu Jumaat ini, Datuk Haji Mustafa menegaskan, dalam pemilihan Majlis Tertinggi, konsep demokrasi perlu dihormati oleh semua pihak, sama ada yang bertanding atau yang memilih.

Menurutnya, kemenangan seseorang bukan semata-mata kejayaan bagi dirinya, tetapi satu peluang untuk berkhidmat dan kerjasama semua pihak amat diperlukan.

Katanya lagi, walaupun seseorang pula bukan bererti monomul jalan buntu, tetapi hikmat Tuhan.

Bellau menarik perhatian, dalam tempoh 35 tahun, UMNO telah merempuhi berbagai peristiwa dan perubahan yang selaras dengan tuntutan masa bermula dengan Allahyarham Datuk Onn Jaafar, diganti oleh Tunku Abdul Rahman, kemudian Allahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Hussein Onn.

Tidak dapat dinafikan dalam tempoh perkhidmatan pemimpin-pemimpin yang dikecuali ini, kejayaan yang besar telah dicapai dalam serba bidang kehidupan orang Melayu, meluaskan mereka pada tahap yang lebih tinggi sesuai dengan matlamat perjuangan UMNO," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11. 926
No. Penerbitan 37991/87